



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

Rujkan Kami : JPBPK.SPK.HEM.800-6/4/4()
Tarikh : 21 Zulkaedah 1440H
20 Julai 2019M

Semua Ketua Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak.

Pengetua/Guru Besar,
Sekolah Menengah/Sekolah Rendah.

Tuan,

**BUKA SEBUT HARGA KANTIN SEKOLAH BAGI TEMPOH MULAI 1 DISEMBER
2019 HINGGA 30 NOVEMBER 2021**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa bagi sekolah-sekolah yang perjanjian kantinnya tamat pada 30 November 2019 perlu melaksanakan **Buka Sebut Harga** bagi tempoh seperti di atas. Walau bagaimanapun jika terdapat permohonan daripada pengusaha kantin untuk melanjutkan tempoh setahun lagi (2+1), maka Jawatankuasa Kantin perlu bermesyuarat untuk mempertimbangkan permohonan tersebut.
3. Sehubungan dengan itu, tuan dimohon memastikan bagi sekolah-sekolah yang akan melaksanakan sebut harga kantin perlu mematuhi prosedur yang telah ditetapkan (*rujuk Buku Panduan Pengurusan Kantin Sekolah 2011*).
4. Bersama-sama ini disertakan panduan dan borang berkaitan untuk perhatian dan tindakan tuan:
 - 4.1 **Lampiran 1** – Panduan Perlanjutan Penyewaan Kantin Sekolah (2+1) dan Panduan Bagi Sekolah-Sekolah Yang Melaksanakan Buka Sebut Harga Bagi Tempoh 1 Disember 2019 hingga 30 November 2021.
 - 4.2 **Lampiran 2 & 3** – Dihantar oleh pihak sekolah ke **Unit HEM PPD** masing-masing dan 1 salinan dihantar ke Sub Unit Kesihatan, JPN Perak (u.p. Tn. Hj. Jamil bin Dayan) pada atau sebelum **1 November 2019** untuk rekod dan penyelarasan.
 - 4.3 **Lampiran 4** – Sebut Harga Makanan Dan Minuman Yang Ditawarkan selaras dengan Surat Siaran terkini KPM.600-14/56Jld.3(32) bertarikh 15 Mac 2017.



Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung

